

Nama:

Kelas: 5Bestari

### **MERDEKA KAMI**

Ketika kami berlari...dan

Mengibar bendera,

ibu berpesan

Hari ini amat istimewa

Teman-teman

Hayatilah erti kemerdekaan

Hargailah pejuang negara

Kelak kita akan faham

Mengapa perlu pertahan kemerdekaan

Mengapa perlu kibarkan bendera

Mengapa perlu cintakan negara

Teman-teman

Ketawalah! Berlarilah! Bersoraklah!

Bila kita faham erti merdeka

Kita akan faham erti setia

Kita akan faham erti tanggungjawab

Ayuh...

Pertahankan kemerdekaan

Tanah tumpah darahku

Merdeka!Merdeka!Merdeka!

**Jawab soal-an-soalan yang berikut.**

1. Siapakah yang berpesan kepada penulis bahawa hari ini merupakan hari yang istimewa?

2. Sebagai rakyat,siapakah yang perlu kita hargai?

3. Mengapakah kita perlu menghayati erti kemerdekaan?

4. Pada rangkap 3 dalam sajak, penulis mengajak teman-

temannya

agar lebih memahami erti merdeka, setia dan

tanggungjawab kepada negara.

5. Berikan **sinonim** bagi perkataan '*berpesan*'.

**Pilihan jawapan**

Sebagai rakyat, kita perlu menghargai pejuang negara.

Ibu yang berpesan kepada penulis bahawa hari ini merupakan hari yang istimewa.

ketawa, berlari dan bersorak

Sinonim bagi perkataan berpesan ialah memberi nasihat.

Kita perlu menghayati erti kemerdekaan sebagai tanda menghormati jasa pejuang yang telah mempertahankan negara.